

PINDAAN PERLEMBAGAAN 1963

2

- Terdapat tiga perkara utama pindaan, iaitu:
 - * **Struktur Mahkamah Atasan**
 - * **Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo**
 - * **Jawatan Yang-di Pertua Negeri**

4

Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

- Perlembagaan Malaysia mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya.
- Pada masa yang sama diwujudkan Mahkamah Tinggi Borneo yang berperanan menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah.
- Jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan berpusat di Kuching, Sarawak pada tahun 1963.
- Menjelang tahun 1994, nama jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.

5

Jawatan Yang di-Pertua Negeri

- Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Mengikut perlembagaan, Yang di-Pertua Negeri menjalankan tugas mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.

1

- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia.
- Pindaan adalah dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu
- bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.

3

Struktur Mahkamah Atasan

- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang terbahagi kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan.
- Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu Mahkamah Persekutuan.
- Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura serta Sarawak dan Sabah.
- Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.